



Ahli Kelab Bikers-Care UniSZA bergotong-royong membersihkan tanah perkuburan Islam Kampung Serong.

Konvoi amal dekati masyarakat Pattani

Pattani: Program Konvoi Amal Pattani anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) baru-baru ini, berjaya merapatkan hubungan silaturahmi antara universiti dengan masyarakat di Wilayah Selatan Thailand.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan) UniSZA, Prof Dr Mohd Ekhwan Toriman, berkata selain mendekati masyarakat luar bandar di wilayah berkenaan, konvoi kali kedua itu turut bermatlamat mengeratkan lagi kerjasama antara UniSZA dan Universiti Fatoni Thailand yang terjalin sejak tahun 2014.

Katanya, pelbagai aktiviti dilaksanakan, antaranya pemeriksaan kesihatan secara percuma, sesi kaunseling pemakanan, bengkel teknik bantuan perna-

fasan secara betul (CPR), penyerahan sumbangan dan forum perdana.

Bersih kubur

"Peserta turut mengadakan Kem Bahasa Inggeris Intensif dengan kerjasama As-Salam Smart Association Thailand serta projek khidmat

bakti membersihkan tanah perkuburan Islam di Kampung Serong oleh Kelab Bikers-Care," katanya.

Program tiga hari itu disertai 70 penunggang motosikal berkuasa tinggi yang juga ahli Kelab Bikers-Care UniSZA diketuai oleh Prof Mohd Ekhwan sendiri, 63 pelajar pelbagai fakulti dan 25 kakitangan pengurusan.

Program turut mendapat kerjasama Fakulti Perubatan, Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Fakulti Kontemporari Islam, Fakulti Sains Sosial Gunaan, Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa, Pusat Islam, Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA), Majlis Perwakilan Pelajar dan Kelab UNESCO UniSZA.

FAKTA NOMBOR

63
pelajar

menyertai program Konvoi Amal Pattani



Masyarakat Pattani turut mendapat pendedahan berkaitan teknik CPR yang betul.